



**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**PENJUALAN KAPSUL PLASENTA TIDAK BERDAFTAR DI LAMAN
MEDIA SOSIAL FACEBOOK**

Kementerian Kesihatan Kementerian telah menerima aduan mengenai penjualan kapsul plasenta melalui laman Facebook yang berleluasa kebelakangan ini. Semakan mendapati produk yang diadu iaitu kapsul plasenta yang diiklankan di dalam laman Facebook oleh **Ashley HauYi adalah produk tidak berdaftar**. Oleh yang demikian, orang awam **tidak digalakkan** untuk mengambil produk tidak berdaftar ini kerana keselamatan penggunaan produk - produk tersebut **tidak dapat dijamin**.

Berkenaan pertanyaan pengadu tersebut terhadap kesan pengambilan plasenta untuk ibu dan bayi yang menyusu badan, kajian (*literature review*) yang dijalankan oleh Northwestern University, US mengulas bahawa risiko pengambilan plasenta kepada ibu dan bayi yang menyusu adalah tidak diketahui kerana kajian yang dijalankan tidak mengumpul maklumat dari aspek ini. Kajian yang sama juga membuat kesimpulan bahawa tiada bukti yang menyokong tuntutan manfaat pemakanan plasenta seperti perlindungan terhadap kemurungan selepas kelahiran atau peningkatan penghasilan susu badan.

Kementerian Kesihatan Malaysia dan Bahagian Perkhidmatan Farmasi memandang serius penjualan produk tidak berdaftar di pasaran atau secara atas talian (*online*) ini. Bahagian Penguatkuasa Farmasi dan cawangannya di setiap negeri di Malaysia telah memulakan aktiviti pemantauan laman web dan media sosial yang aktif menjual dan mengiklankan produk farmaseutikal

secara haram sejak 2013. Kementerian Kesihatan Malaysia akan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap penjualan produk tersebut.

Penjualan produk farmaseutikal di mana-mana medium termasuk media sosial adalah dikawal oleh Kementerian Kesihatan Malaysia. Semua produk perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) sebelum diimport, dikilang, dijual atau dibekalkan. Di samping itu, penjual juga mesti memohon kelulusan daripada Lembaga Iklan Ubat sebelum mereka boleh mengiklankan produk mereka di media sosial atau mana-mana medium lain. Pengguna perlu tahu semua produk ubat dan kesihatan perlu berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia. Produk ubat yang berdaftar wajib mempunyai nombor pendaftaran MAL dan label Hologram Meditag™. Pengguna diingatkan untuk tidak membeli produk kesihatan yang tidak berdaftar di pasaran termasuk secara *online*.

Penggunaan ubat yang tidak mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia boleh menjejaskan keselamatan dan kesihatan pengguna. Bahagian ini juga mengalu-alukan sebarang aduan daripada orang ramai sekiranya terdapat individu atau premis yang menjual ubat tidak berdaftar di pasaran atau secara *online*. Pengguna boleh menyemak status pendaftaran produk kesihatan di laman web Bahagian Perkhidmatan Farmasi, www.pharmacy.gov.my atau Biro Pengawasan Farmaseutikal Kebangsaan, www.bpfk.gov.my. Pengguna juga boleh mendapatkan maklumat lanjut melalui Facebook rasmi penguatkuasaan farmasi iaitu **Pilih Ubat Berdaftar**.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULAH
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

4 Julai 2016